



KEMENTERIAN DALAM NEGERI

NOTIS SEBUTHARGA

SEBUTHARGA NO : KDN/PB/SB/002/2023

1. Sebutharga adalah dipelawa kepada **Kontraktor-Kontraktor Bumiputera** di Putrajaya/ Kuala Lumpur Sahaja yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dalam kategori dan pengkhususan berkaitan sebagaimana di bawah :-

NAMA PROJEK	SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN	NO. SEBUT HARGA	TARIKH DAN TEMPAT LAWATAN TAPAK
<b>KERJA-KERJA PEMULIHAN DAN PEMBAIKAN SEKSYEN PENYELENGGARAAN DAN KESELAMATAN SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DI ARAS 6, BLOK SETIA PERKASA 2, KOMPLEKS SETIA PERKASA, KEMENTERIAN DALAM NEGERI</b>	Berdaftar dengan CIDB  Memegang Perakuan Pendaftaran, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan Yang Masih Sah  Gred : G1 Kategori : B Pengkhususan : B28	KDN/PB/SB/002/2023	21 Ogos 2023 (Isnin) 10.00 Pagi  Berkumpul di :  Bilik Mesyuarat Seroja, Bahagian Khidmat Pengurusan dan Aset, Aras 6, Blok Setia Perkasa 2, Kompleks Setia Perkasa, 62546 PUTRAJAYA.

2. Lawatan tapak dan sesi taklimat adalah **DIWAJIBKAN**. Bagi memastikan maklumat projek ini adalah jelas, satu sesi lawatan tapak akan diadakan pada **21 Ogos 2023 (Isnin) jam 10.00 pagi**. Kontraktor dikehendaki membawa bersama **Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat (SSM), Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** yang **Asal** dan **Salinan** semasa menghadiri taklimat dan lawatan tapak. Hanya penama yang tercatat di dalam sijil PPK dan SPKK yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak atau sesi taklimat berkenaan. Kontraktor tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama dalam PPK dan SPKK. Kontraktor yang sah hendaklah sentiasa mengambil langkah-langkah pencegahan wabak COVID-19 dengan mematuhi arahan-arahan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM dari semasa ke semasa.
3. Dokumen Sebut Harga boleh didapati dari tarikh **21 Ogos 2023 (Isnin)** sehingga **28 Ogos 2023 (Isnin)** pada waktu pejabat (9.00 Pagi - 4.30 Petang) di **BAHAGIAN PEMBANGUNAN, KEMENTERIAN DALAM NEGERI, ARAS 2, BLOK SETIA PERKASA 1, KOMPLEKS SETIA PERKASA, PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN, 62546 PUTRAJAYA** SECARA PERCUMA.
4. Dokumen Sebut Harga akan dikeluarkan kepada Kontraktor-kontraktor yang memiliki pendaftaran yang masih sah semasa mengambil dokumen sebut harga. Untuk maksud ini, Kontraktor dikehendaki membawa bersama **Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat (SSM), Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** yang **Asal** beserta satu **Salinan** sijil-sijil tersebut.
5. Borang Sebutharga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di **BAHAGIAN PEMBANGUNAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI, ARAS 2, BLOK SETIA PERKASA 1, KOMPLEKS SETIA PERKASA, PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN, 62546 PUTRAJAYA** tidak lewat dari **jam 12.00 tengahari pada 29 Ogos 2023 (Selasa)**

Nama Penandatangan  
Jawatan  
Tarikh

MOHD NORZAM BIN MUSTAPA  
Setiausaha Bahagian Pembangunan  
Kementerian Dalam Negeri  
Malaysia

19 Ogos 2023